



Latihan Pengukuhan

A. Pilih jawapan yang betul.

1. Amalan suka _____ kepada yang memerlukan bantuan perlu kita amalkan sebagai tanggungjawab sosial kepada masyarakat.
A derma **B** berderma
2. Masyarakat diseru agar sentiasa _____ bagi menjayakan sebarang aktiviti kemasyarakatan.
A bekerjasama **B** berkerjasama
3. Sebuah kapal dagang penuh dengan muatan kelihatan sedang _____ melalui Selat Melaka.
A belayar **B** berlayar
4. Kapal layar yang _____ Jalur Gemilang itu milik rakyat dari negara kita.
A belayar **B** berlayar
5. Banyak orang mengambil peluang untuk _____ di bazar Ramadan pada tahun ini.
A menjaja **B** berjaja
6. Para pelajar dilarang daripada _____ apa-apa perkara semasa peperiksaan berlangsung.
A berbincang **B** membincangkan

7. Para pelajar dilarang daripada _____ ketika peperiksaan sedang berlangsung.
A berbincang **B** membincangkan
8. Pak Mail _____ anak-anaknya akan berpindah ke Kuala Lumpur pada tahun hadapan.
A beserta **B** berserta
9. Sampah kelihatan _____ di halaman rumahnya kerana tidak bersapu sejak seminggu.
A betaburan **B** bertaburan
10. Fikirannya _____ sejak perniagaannya menghadapi masalah kewangan yang serius.
A beserabut **B** berserabut